

NO SOALAN : 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

**TARIKH : 02.08.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap sekatan beberapa buah negara Arab ke atas Qatar. Mengapakah Malaysia tidak memainkan peranan secara aktif mencari penyelesaian melalui OIC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini adalah kurang sesuai bagi Malaysia untuk membangkitkan isu ini dalam Mesyuarat OIC. Kita berpendirian bahawa setakat hari ini, isu ini perlu ditangani terlebih dahulu di kalangan negara-negara Teluk. Tambahan pula, Kuwait sebagai salah satu negara anggota OIC juga telah pun menjadi perantara bagi isu ini. Kita patut memberi peluang kepada Kuwait untuk memainkan peranannya dalam meredakan ketegangan antara Qatar dan negara-negara Teluk yang berkenaan.

Pada sesi ke-44 Majlis Menteri-menteri Luar Negeri OIC yang telah diadakan dari 10 hingga 11 Julai 2017 di Azerbaijan, pendirian mereka ialah tidak menjadikan isu ini sebagai salah satu agendanya. Sekretariat OIC serta negara-negara anggota OIC percaya bahawa sesi tersebut bukanlah platform terbaik untuk membincangkan krisis Qatar. Ini pendirian OIC sendiri. Kebanyakan negara anggota OIC berpandangan bahawa perkara ini merupakan isu dalaman negara-negara Teluk dan Kuwait sebagai salah satu negara anggota OIC perlu diberikan peluang untuk memainkan peranannya sebagai perantara dalam krisis ini.